

Tun Abdul Razak keluarkan Melayu daripada kemiskinan hidup

Date: 30-03-2007

Author: Zunaidah Zainon

ASPIRASI FELDA GLOKAL

CAPTION:

1. TUN Abdul RAZAK disanjung tinggi sebagai pemimpin berjiwa rakyat kerana jasanya membangun masyarakat Melayu melalui penubuhan Felda.

ALLAHYARHAM Tun Abdul Razak Hussein digelar Bapa Pembangunan Negara kerana sumbangan yang cukup besar kepada pembangunan sosio-ekonomi yang ketika itu berhadapan dengan masalah kemiskinan penduduk luar bandar.

Beliau yang mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri kedua pada 22 September 1970 berazam menghapuskan sebarang masalah yang boleh mencetuskan rusuhan kaum.

Ketika itu, hanya ada dua sebab utama membawa kepada punca ketegangan kaum iaitu kemiskinan orang-orang Melayu serta rapuhnya perpaduan kaum.

Menyedari akan hakikat itu, Allahyarham Tun Abdul Razak telah melancarkan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Rukun Negara.

DEB yang dilancarkan pada 21 Jun 1970 bersifat serampang dua mata dengan tujuan utama membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menghapuskan identifikasi kegiatan ekonomi berdasarkan kaum.

Sebagai pemimpin berjiwa rakyat, Allahyarham Tun Abdul Razak sedar bahawa masyarakat Melayu jauh ketinggalan dari aspek kemajuan sosio-ekonomi.

Di era Allahyarham Tun Abdul Razak, bermulalah pelan pembangunan menyeluruh dan sistematik iaitu Rancangan Pembangunan Malaysia lima tahun. Ia bermula dengan Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua.

Meskipun telah wujud rancangan sebegini sebelum era Allahyarham Tun Abdul Razak, namun matlamat dan perlaksanaannya tidak secara kolektif dan pragmatik.

Rancangan Malaysia Pertama dan Kedua merupakan pemangkin kepada DEB. DEB mempunyai kerangka waktu 20 tahun dari 1970 hingga 1990 merumuskan bahawa ekuiti bumiputera dalam negara harus mencapai 30 peratus di akhir tempoh itu.

Antara institusi paling penting hasil daripada DEB ialah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) yang merupakan satu badan yang membuka tanah dan mengagihkannya kepada rakyat untuk tujuan pembangunan.

Pembukaan tanah-tanah rancangan ini benar-benar membantu masyarakat Melayu memutuskan rantai kemiskinan.

Sehingga hari ini, ia menjadi program reformasi tanah paling besar dan berjaya di dunia dan seterusnya menjadikan Malaysia pengeluar terbesar

getah dan minyak kelapa sawit.

Selain itu, Rancangan Buku Hijau yang dilancarkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak pada 20 Disember 1974 dengan objektif utama untuk memaksimumkan pembangunan tanah secara menyeluruh.

Ia melibatkan tanaman jangka pendek, perkebunan secara berkelompok, ternakan ikan air tawar dan meningkatkan keupayaan pemasaran produk pertanian.

Rancangan tersebut juga bertujuan menambah pengeluaran bahan-bahan makanan untuk memenuhi keperluan negara, menambah pendapatan rakyat luar bandar dan mengurangkan kadar inflasi semasa ekoran kejatuhan mendadak harga getah di pasaran dunia sejak awal 1970-an.

Petikan kata-kata Tun Abdul Razak:

* "Bagaimana yang telah berulang-ulang kali saya sebutkan di mana-mana saya berucap berkenaan dengan Rancangan Pembangunan Luar Bandar, maka jikalau segala rancangan-rancangan itu hendak mendapat kejayaan yang penuh dan faedah yang besar mustahaklah bagi kedua-dua pihak rakyat bersama-sama berikhtiar dan berusaha melaksanakannya.

* "Rakyat, khasnya penduduk di luar bandar mestilah mengubah falsafah hidup, cara berfikir dan cara-cara perusahaan sendiri sekira-kira boleh dengan peredaran zaman dan keadaan zaman pembangunan ini."

* (Pembukaan Kursus Latihan Agama yang pertama bagi Rancangan Pelajaran Agama dalam Rancangan Pelajaran Dewasa di Bilik Gerakan Negara pada 31 Mac 1963).

* "Pembangunan adalah kaedahnya seperti seorang yang cuba menepuk tangan. Sebelah tangan sahaja tidaklah akan mengeluarkan apa-apa bunyi, tetapi jika sekiranya digunakan dua belah tangan sekali dan bila ditepuk sudah tentulah akan mengeluarkan bunyinya. Kerajaan boleh diumpamakan sebagai sebelah tangan dan rakyat jelata pula adalah menjadi sebelah tangan lagi. Kedua-dua ini mestilah dapat bergerak dengan serentak barulah dapat mengeluarkan hasil dan kejayaan yang sempurna."

(Pada pembukaan Hari Mara, 10 Mac 1967)

* "Semenjak beberapa tahun ini, kita melihat perkembangan ekonomi yang amat menggembirakan. Kita telah berjaya memperluaskan peluang ekonomi-enlarge the National Economic Cake-supaya setiap rakyat mendapat bahagian yang adil dan dapat menikmati keadaan hidup lebih sempurna. Saya percaya kalau setiap orang sanggup tampil ke muka untuk merebut peluang yang terbuka kepada mereka di bawah Dasar Ekonomi Baru, sudah pasti tujuan dan matlamat kita akan tercapai dengan jayanya."

-(Pembukaan rasmi Persidangan Parti Gerakan Rakyat Malaysia di Pulau Pinang pada 9 Mac 1974).

* "Keutuhan sesebuah negara itu tidak hanya bergantung kepada kekuatan tentera dan polis sahaja bahkan bergantung kepada kekuatan semangat dan jiwa rakyat. Kalau seluruh rakyat sanggup berkorban bukan sahaja tenaga bahkan jiwa raga mereka untuk mempertahankan negara, maka tidak ada

suatu kuasa besar pun yang boleh mengganggu atau pun menakluk negara kita."

-(Ucapan Presiden UMNO merangkap Perdana Menteri Malaysia di Perhimpunan Agung UMNO ke-26 pada 21 Jun 1975).

(Source : Utusan Malaysia)